

Gaji menarik pikat bukan Melayu sertai sektor awam



Timbalan
Pendaftar Fakulti
Pengajian
Pendidikan,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Uthman Noor Mohamad Shakil Hameedi
bhrencana@bh.com.my

Isu diskriminasi kaum dalam perkhidmatan awam mula menjadi perdebatan apabila timbul pandangan kononnya perkhidmatan awam didominasi kaum Melayu dan proses pengambilan serta kenaikan pangkat dibuat berasaskan komposisi kaum.

Hakikatnya, pelantikan penjawat awam menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah cukup terbuka, telus dan berpaksikan kepada merit serta kecakapan semata-mata dan bukan bersandarkan agama atau kaum.

Ini bermaksud semua rakyat Malaysia yang berminat bekerja dalam sektor awam boleh memohon mengikut syarat dan ke Layakan bagi sesuatu jawatan seperti ditetapkan. Walaupun data dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini menunjukkan 90 peratus daripada 1.2 juta penjawat awam adalah Bumiputera, tetapi mengapa ia berlaku perlu difahami.

Mengikut beberapa laporan sebelum ini, tidak ramai kaum bukan Melayu memohon memasuki sektor awam atas pelbagai alasan antaranya struktur gaji agak rendah dan tidak menarik, di samping peluang kenaikan pangkat dan laluan kerjaya terhad.

Sebagai contoh, sebelum ini banyak kali didehalkan tidak ramai calon bukan Bumiputera me-

mohon menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga pada satu ketika kerajaan terpaksa melonggarkan syarat kepada calon bukan Bumiputera dan Orang Asli untuk mengisi kekosongan jawatan konstabel tanpa perlu mendapat kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kelonggaran ini berdasarkan syarat mereka terpilih ke dalam jawatan perlu menduduki semula subjek Bahasa Melayu peringkat SPM dalam tempoh enam tahun berkhidmat dan perlu lulus dengan kepujian.

Isu komposisi kaum tak wajar dipolitikkan

Elemen fleksibel seperti ini menunjukkan kerajaan dan perkhidmatan awam terbuka dan sangat mengalu-alukan penyertaan semua lapisan kaum dalam sektor awam. Maka, secara prinsipnya faktor penolakan daripada calon sendiri menjadi punca utama berlaku situasi tidak seimbang dari segi komposisi kaum dalam sektor awam.

Justeru, perkara ini tidak patut dipolitikkan, sebaliknya pandangan dan cadangan membina perlu dikemukakan bagaimana untuk menarik lebih ramai bukan Melayu menyertai perkhidmatan awam. Apa yang penting sekarang ialah hal ini tidak dijadikan isu dan polemik, sebaliknya perlu fokus kepada inisiatif bagaimana hendak meningkatkan penyertaan kaum lain dalam perkhidmatan awam.

Antara langkah ialah melipatgandakan sesi pe-

nerangan dan taklimat kepada bukan Melayu menerusi kempen serta promosi mengenai peluang kerjaya dan manfaat diperoleh dalam sektor awam.

Kempen ini boleh dimulakan dalam kalangan anak sejak di bangku sekolah lagi, terutama di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di seluruh negara serta anak Orang Asli. Peranan ini boleh dimainkan sama ada kaunselor sekolah atau menerusi siri jerayawara dan sesi libat urus Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sekolah seluruh negara yang kemudian boleh dikembangkan ke peringkat institusi pengajian tinggi.

Pada masa sama, kerajaan juga wajar mempertimbangkan beberapa tuntutan daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bagi menjadikan perkhidmatan awam lebih menarik, berdaya tahan dan kompetitif. Antara tuntutan CUEPACS adalah semakan dan kenaikan gaji, pelaksanaan gaji minimum RM1,800 serta sistem saaraan lebih berkesan yang menyeluruh, adil dan saksama.

Ironinya, struktur gaji semasa penjawat awam sudah dilaksanakan sejak 2002 dan wajar dikaji semula bagi memastikan ia relevan dengan perkembangan semasa, terutama selepas mengambil kira kenaikan kos sara hidup ketika ini. Jika tuntutan seperti ini dipenuhi, ia menjadi daya penarik tambahan kepada semua lapisan masyarakat menyertai perkhidmatan awam dan akhirnya boleh mewujudkan keseimbangan dari segi komposisi kaum.